

# Cagamas umum terbit CMTN RM800 juta dan IMTN RM25 juta

**KUALALUMPUR:** Cagamas Bhd semalam mengumumkan terbitan nota jangka sederhana konvensional (CMTN) bernilai RM800 juta dan nota jangka sederhana Islam (IMTN) bernilai RM25 juta.

Perbadanan gadai janji nasional itu dalam satu kenyataan berkata hasil daripada terbitan itu akan digunakan untuk membiayai pembelian pinjaman gadai janji dan pembiayaan Islam daripada sistem kewangan.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya Datuk Chung Chee Leong berkata CMTN satu tahun bernilai RM800 yang diterbitkan itu diselesaikan menerusi pembukaan semula tranche bon sedia ada yang menandakan pembukaan semula kedua syarikat itu bagi

tahun ini.

Beliau berkata sambutan membebankan terhadap terbitan itu membolehkan syarikat tersebut meningkatkan jumlah pembukaan semula daripada RM500 juta kepada RM800 juta bagi CMTN dan membolehkan ia mengukuhkan harga sebanyak dua mata asas (bps) kepada kadar hasil akhir 3.95 peratus.

"Ini merupakan spread 56 bps mengatasi Sekuriti Kerajaan Malaysia satu tahun yang sama.

"IMTN satu tahun bernilai RM25 juta itu juga diletakkan harga kompetitif pada 3.95 peratus dan diselesaikan menerusi tawaran saham persendirian," katanya.  
— Bernama